

TR: 2.2.1966

**UCAPAN PENGHARGAAN DARIPADA
TIMBALAN PERDANA MENTERI KEPADA
TUNKU PERDANA MENTERI PADA HARI
KEPUTERAANNYA YANG KE-63
PADA 8 FEBRUARI, 1966.**

Pada hari yang berbahagia ini, 8 Februari, 1966, Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri kita yang dikasihi dan dihormati serta Bapa Negara kita adalah genap usianya 63 tahun. Sungguhpun umur Tunku itu 63 tahun, tetapi Tunku nampak masih lagi muda, cergas dan dinamik dan perkara ini adalah menimbulkan perasaan iri hati daripada orang yang masih muda tetapi telah nampak tua. Kepada rakyat Malaysia, Tunku bukan sahaja seorang Perdana Menteri atau Ketua Kerajaan Malaysia, tetapi ialah Pemimpin Kebangsaan dan Bapa Negara kita. Kepada saya sendiri, selain daripada menjadi ketua agung kita, Tunku ialah seorang sahabat saya yang paling karib sekali dan saya memandang Tunku sebagai seorang bapa dan kepadanya saya menumpukan kasih saya, kemesraan dan taat setia yang penuh. Ia adalah menjadi sumber dan ilham untuk panduan menjalankan tugas dan tanggungjawab.

Sepanjang Tunku memimpin Kerajaan Perikatan, negara kita telah meningkat maju daripada negara yang dijajah kepada negara yang merdeka dan dalam kemerdekaan negara kita, kita telah dapat menikmati kemakmuran, keadilan dan kebahagiaan kepada sebahagian besar rakyat jelata negara kita. Kerajaan Perikatan yang dipimpin oleh Tunku mempunyai niat semata-mata untuk memperbaiki keadaan hidup semua rakyat di Malaysia dan melahirkan satu bangsa yang kuat dan yang mempunyai taat setia kepada negara kita. Dasar pembangunan Kerajaan Perikatan ialah bertujuan supaya negara kita maju dan makmur dan kekayaan dan kemakmuran negara itu dinikmati oleh semua golongan rakyat dengan secara lebih adil dan sempurna daripada keadaan yang ada pada hari ini. Sepanjang saya bersahabat dengan Tunku sudah berpuluh-puluh tahun lamanya saya sangat tertarik hati kepadanya dan ia menjadi sahabat pujaan saya. Saya kasih dan hormat dan

taat kepada Tunku kerana ia seorang yang pemurah, peramah, jujur dan ikhlas, bertimbang rasa dan sangat baik budi pekerti dan taat kepada kawan-kawannya.

Sungguhpun ia adalah seorang Putera di-Raja dan pemimpin besar, Tunku adalah berjiwa rakyat dan ia memandang semua rakyat Malaysia dari segala kaum, darjat dan peringkat sama sahaja. Disebabkan oleh sifat-sifat inilah Tunku sangat dikasihi oleh semua rakyat di negara kita ini bahkan dijunjung tinggi oleh rakyat negara yang berjiran dengan kita. Tunku telah mengorbankan masa dan hampir semua harta bendanya untuk perjuangan negara kita, mula-mula untuk perjuangan UMNO, selepas itu Perikatan dan sekarang untuk perjuangan negara kita. Pengorbanan dan perkhidmatan Tunku yang tidak dapat dinilai harganya itu akan sentiasa diingati oleh rakyat negara ini dan oleh sejarah.

Kita semua sangatlah bertuah oleh sebab mendapat seorang pemimpin yang berkelibar besar dan mempunyai sifat-sifat yang istimewa. Pengaruh dan sifat dan personaliti Tunku adalah meliputi semua golongan masyarakat bangsa kita di Malaysia. Tunku pemimpin negara, perwira politik, penaung sukan, pejuang agama dan sumber teladan. Tunku sentiasa mempunyai pendirian yang teguh dan tegas dan tidak sekali-sekali mengorbankan rukun atau prinsip kerana faedah politik jangka pendek atau keuntungan-keuntungan yang lain.

Di bawah pimpinan Tunku, Kerajaan Perikatan telah berjaya mencapai kemajuan yang cemerlang dalam bidang pembangunan dan kemajuan negara dan luar bandar, pelajaran, perdagangan dan perusahaan serta kemudahan-kemudahan hidup yang lain. Begitu juga di bawah pimpinan Tunku, Malaysia telah berjaya mempunyai panduan yang baik dengan negara-negara asing. Tunku ialah seorang penganjur yang sangat cinta kepada perdamaian dan keamanan dunia dan sentiasa berjuang untuk mengadakan kerjasama dan saling mengerti yang baik di antara bangsa-bangsa di dunia, khasnya negara-negara di Tenggara Asia. Dengan sebab itu Tunku telah menubuhkan ASA untuk mengadakan perhubungan rapat bagi negara-negara Tenggara Asia. Di dalam Komanwel juga Tunku telah terkenal sebagai seorang pemimpin yang jujur dan mempunyai pandangan yang sederhana.

Dalam menjalankan pimpinan negara, Tunku setiap masa dapat mengatasi masalah-masalah kerana ia sentiasa mensifatkan masalah-masalah kebangsaan itu sebagai masalah hidup dan masalah manusia dan sentiasa mencari penyelesaian dengan cara raktikal. Dengan sebab itulah Tunku sentiasa dapat memecah masalah-masalah dan kesusahan-kesusahan masyarakat dengan senang dan adil serta memuaskan hati kepada semua pihak.

Pada hari yang berbahagia ini dan pada masa kita merayakan hari jadi penganjur kita yang dikasihi, saya berdoa ke hadrat Tuhan dan menyeru kepada semua rakyat Malaysia supaya bersama-sama berdoa dan memohon kepada Tuhan mudah-mudahan Allah panjangkan usia Tunku, sihat walafiat serta dapat Tunku lama lagi meneruskan pimpinannya kepada negara kita untuk mencapai kemajuan dan kebahagiaan yang lebih tinggi dan lebih besar lagi.